

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMS 411 – Falsafah Sejarah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Bandingkan konsep epistemologi sejarah menurut perspektif Barat dengan perspektif Timur.
(25 markah)

2. Dari segi ontologinya, bidang cakupan sejarah dalam tradisi Timur dianggap lebih luas daripada tradisi Barat. Bahaskan.
(25 markah)

3. Bincangkan secara kritikal tentang konsep gerakmaju (*progress*) dalam falsafah sejarah.
(25 markah)

4. Kupaskan tentang latar-belakang doktrin messianisme dan kemunculan gerakan messianik dalam sejarah dunia.
(25 markah)

5. Dari segi nomologinya, konsep sebab-akibat (*causality*) yang bersifat deterministik yang ketat tidak sesuai dipakai dalam bidang sejarah yang menyentuh persoalan kebebasan manusia. Bahaskan.
(25 markah)

6. Dalam persoalan aksiologi sejarah, terdapat episod-episod tertentu di mana golongan yang zalim terus berkuasa dan bertambah kuat. Bagaimana penjelasan anda dalam kes-kes seperti ini?
(25 markah)

- ooo O ooo -